

Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Prakata

Tahun 2023 telah memperlihatkan pertembungan cabaran pada peringkat global. Ancaman tekanan inflasi yang berterusan, kegagalan bank global berprofil tinggi, ketegangan geopolitik dan gangguan dalam perdagangan global adalah antara faktor yang terus menguji daya tahan ekonomi global. Berlatarkan ketidakpastian yang ketara dalam ekonomi utama, pasaran kewangan global juga kekal tidak menentu. Di Malaysia, Kerajaan yang baru dibentuk telah mula merangka perancangan untuk memastikan pertumbuhan Malaysia selepas pandemik sambil merintis jalan bagi pembaharuan struktur.

Dalam menelusuri perkembangan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) kekal fokus terhadap mandat utamanya, iaitu menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan serta kestabilan harga. Kami terus menggunakan alat dasar untuk menguruskan dengan teliti keseimbangan (*trade-off*) dasar yang rumit, serta saling kebergantungan antara Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), inflasi, pertumbuhan dan ringgit. Tindakan proaktif yang diambil sejak tahun 2022 untuk mengembalikan dasar monetari ke paras wajar secara beransur-ansur sejajar dengan peningkatan kegiatan ekonomi telah membantu membendung peningkatan tekanan inflasi tanpa menjejaskan pertumbuhan. Sehubungan dengan persekitaran yang mencabar untuk ringgit, kami juga terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dan fungsi pasaran kewangan yang teratur supaya keperluan mata wang asing bagi perniagaan terus dapat dipenuhi. Meskipun demikian, faktor luaran terus mempengaruhi mata wang bagi pasaran sedang pesat membangun termasuk ringgit. BNM bertekad untuk mengekalkan keyakinan terhadap ringgit, dan untuk tujuan itu kami telah mengambil tindakan terselaras dan mempertingkatkan libat urus dengan pihak berkepentingan utama untuk menggalakkan aliran masuk bagi mengurangkan tekanan jangka pendek terhadap ringgit.

Pada masa yang sama, kami terus mendorong pembaharuan struktur yang sangat penting untuk memperkukuh prospek pertumbuhan negara dan menggalakkan pelaburan, bagi memberikan sokongan yang lebih berkekalan pada ringgit.

Setakat saya menggarap prakata ini, beberapa usaha pembaharuan peringkat nasional telah dilancarkan, dengan beberapa kemajuan besar dicatatkan pada tahun lalu. Pada tahun 2023, Malaysia telah memulakan beberapa dasar dan pelan induk utama, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, sebagai asas bagi pertumbuhan yang mampan dan berjangka panjang. Pelaksanaan yang tepat pada masanya dan berkesan bagi semua inisiatif ini adalah amat penting. Selaku penasihat ekonomi kepada Kerajaan, BNM akan terus memberikan analisis dan cadangan untuk membangunkan dasar-dasar pada peringkat nasional, terutamanya berhubung dengan pembaharuan yang sangat penting seperti rasionalisasi subsidi dan langkah konsolidasi fiskal. Penyelarasan dasar fiskal, monetari dan kewangan yang berkesan adalah penting untuk mencapai hasil yang optimum untuk ekonomi.

Sebagai tunjang kepada ekonomi Malaysia, sektor kewangan yang kukuh terus memberikan sokongan yang amat penting kepada aspirasi ekonomi negara. Langkah-langkah terus diambil untuk memastikan bahawa sistem kewangan berada pada kedudukan yang baik bukan sahaja untuk membiayai keperluan ekonomi hari ini, tetapi juga untuk menyokong persediaan dan peralihan untuk masa hadapan. Hal ini termasuk membantu isi rumah dan perniagaan melaksanakan amalan lestari dan menerapkan pendigitalan. Kami telah mempertingkatkan dan sedang memperhalus ciri-ciri dana khas, seperti Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau, Kemudahan Agromakanan, serta Kemudahan Automasi dan Digital Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), bagi meningkatkan lagi akses PKS kepada pembiayaan dan membantu mereka membuat penyesuaian dengan jayanya dalam sektor pertumbuhan baharu. Usaha juga sedang dijalankan untuk memajukan pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation) dan menggalakkan penawaran oleh industri kewangan Islam di Malaysia untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi kewangan hijau dan lestari. Bidang ini mempunyai prospek dan potensi yang besar, bukan sahaja untuk Malaysia dalam usaha untuk memenuhi komitmen Sifar Bersih (Net Zero), tetapi juga untuk ekonomi lain di rantau ini dan seluruh dunia.

BNM kekal komited untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dalam sektor kewangan. Tindakan ini membolehkan lebih banyak perkhidmatan kewangan dapat diakses dan disampaikan melalui saluran digital, termasuk kepada segmen masyarakat yang sebelum ini kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan. Sehingga kini, tiga daripada lima pemohon yang berjaya mendapatkan lesen bank digital telah memulakan operasi. Pada tahun ini, kami akan memuktamadkan rangka kerja pelesenan dan pengawalseliaan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful digital. Kami juga sedang menggandakan usaha untuk memerangi penipuan kewangan dalam talian, sambil bekerjasama rapat dengan industri kewangan dan agensi penguatkuasaan undang-undang melalui Pusat Respons Scam Kebangsaan untuk menambah baik proses pengesanan wang dan mengekang aliran dana yang melibatkan penipuan kewangan.

Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2023–26 yang telah dilancarkan pada tahun 2023 akan meningkatkan lagi agenda rangkuman kewangan dengan penetapan strategi untuk merapatkan jurang yang masih ada dari segi akses kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti dan berpatutan untuk semua. Satu bidang yang memiliki potensi besar ialah kewangan sosial. Bidang ini bukan hanya terkait dengan rangkuman kewangan dan kelestarian, tetapi juga kewangan Islam, yang kesemuanya dekat di hati saya. Kami yakin penyelesaian kewangan sosial yang inovatif boleh dibangunkan secara meluas bagi menghasilkan impak yang bermakna dalam kehidupan rakyat Malaysia. Kami menjangkakan perkara ini akan mencapai kemajuan ketara apabila lebih banyak institusi kewangan Islam menerapkan struktur kewangan yang inovatif, seperti kewangan campuran (*blended finance*) dan sumber pembiayaan alternatif yang lain, yang mengintegrasikan kewangan sosial dalam produk kewangan Islam.

Tahun 2024 menandakan titik tengah Pelan Sektor Kewangan (PSK) 2022–26, dan oleh itu, keutamaan sektor kewangan juga adalah untuk menilai kemajuan yang dicapai setakat ini. Langkah ini bukan sahaja untuk mempertingkatkan usaha

menyempurnakan pelaksanaan strategi PSK yang telah ditetapkan pada tahun 2022, malah untuk mempertimbangkan implikasi perkembangan terkini, seperti kemajuan dalam kecerdasan buatan, terhadap kewangan dan ekonomi. Sektor kewangan akan terus memainkan peranan yang sangat penting sebagai daya kitaran berbalas (*counter-cyclical force*) semasa tempoh tekanan dan juga sebagai pemangkin kepada pembaharuan dalam ekonomi.

Hal ini hanya mampu dilaksanakan kerana kekukuhan dan daya tahan sistem kewangan, yang merupakan hasil pembaharuan selama beberapa dekad. Penampan kewangan yang teguh yang dibina sejak sekian lama dan peningkatan amalan pengurusan risiko telah memastikan sektor kewangan terus dapat menyokong ekonomi dalam situasi yang baik dan sebaliknya, lantas menyediakan asas kestabilan pada waktu yang mencabar. Walaupun bank-bank di Malaysia terlindung daripada kegawatan perbankan global pada awal tahun 2023, kami mengambil peluang untuk menjadikan peristiwa ini iktibar bagi Malaysia untuk terus memperkukuh sistem kewangan.

Dengan pandemik kini telah berlalu sepenuhnya, program kerja pengawalan dan penyeliaan BNM kini bergerak pada tahap maksimum. Inisiatif pengawalan dan penyeliaan yang penting, seperti usaha memperkukuh kedudukan modal dan mudah tunai bank, penanggung insurans dan pengendali takaful, sedang dijalankan untuk terus memantapkan penampan yang telah membantu melindungi Malaysia berdepan dengan kejutan seperti pandemik. Kami juga sedang mempertingkatkan kesiapsiagaan sektor kewangan untuk menghadapi krisis melalui perancangan pemulihan dan penyelesaian serta latihan simulasi. Kami juga terus mencapai kemajuan dalam menyepadukan risiko berkaitan iklim dalam aspek pengawalan berhemat dan penyeliaan. Pemerkasaan daya tahan iklim sektor kewangan akan terus menjadi keutamaan BNM pada tahun-tahun mendatang. Hal ini penting untuk memastikan kestabilan kewangan serta membolehkan sektor kewangan menyokong peralihan Malaysia yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari.

Bagi tahun 2024 dan seterusnya, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan meskipun berdepan rintangan, terutamanya berkaitan faktor luaran. Pada tahun 2024, pertumbuhan diunjurkan lebih tinggi, manakala inflasi kekal sederhana. Tahun ini memberikan peluang kepada Malaysia untuk mempercepat pelaksanaan pembaharuan struktur. Pembaharuan ini adalah sangat penting untuk memperteguh daya tahan ekonomi sambil meningkatkan prospeknya, yang penting bagi Malaysia untuk menangani cabaran masa hadapan. Pada masa yang sama, pembaharuan struktur ini hendaklah dilaksanakan dengan langkah-langkah sokongan yang sewajarnya bagi membantu segmen yang lebih mudah terjejas. Setiap pihak mempunyai peranan yang perlu dimainkan dalam usaha pembaharuan ini. Kerajaan, perniagaan, isi rumah dan individu perlu bekerjasama untuk memastikan semua usaha ini membuahkan hasil yang positif kepada negara.

Misi BNM sebagai bank pusat kekal mencabar seperti sebelum ini. Dalam melaksanakan usaha ini, saya sentiasa disokong rakan seperjuangan yang tidak jemu memberikan komitmen terbaik mereka ke arah menunaikan mandat BNM. Kami akan terus melaksanakan transformasi dan pembaharuan dalam menghadapi cabaran yang sentiasa berubah. Terdapat banyak inisiatif yang dilaksanakan untuk memperkukuh organisasi ini supaya BNM sentiasa kekal menjadi sebuah institusi awam yang dipercayai demi rakyat dan negara. Inisiatif ini diterajui oleh transformasi budaya BNM yang sedang dilaksanakan. Transformasi budaya ini melibatkan usaha untuk memupuk norma dan amalan yang penting bagi melaksanakan mandat BNM dengan berkesan, khususnya berkaitan kerjasama, ketulusan dan akauntabiliti. Di samping itu, kami terus mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kami seiring dengan perubahan cabaran dasar, di samping memodenkan BNM untuk bersedia menghadapi masa hadapan. Sambil mempersiap sistem kewangan Malaysia untuk menjadi lebih mampan dan berdaya tahan dari segi iklim, kami juga sedang berusaha untuk mengurangkan jejak karbon BNM berkaitan aktiviti pelaburan, operasi mata wang, perjalanan dan penggunaan tenaga.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Gabenor Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus atas sumbangan dan khidmat bakti beliau yang tidak ternilai kepada BNM dan negara. Sesungguhnya, beliau telah menetapkan asas dan menggerakkan beberapa inisiatif yang meletakkan BNM pada tahap yang lebih mantap, sekali gus membolehkan kami berada pada kedudukan yang baik untuk menangani pelbagai cabaran yang melanda pada hari ini.

Terima kasih yang setulusnya juga saya ucapkan kepada semua warga BNM atas dedikasi dan komitmen mereka yang teguh. Saya turut berterima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka yang tidak berbelah bahagi. Kami akan terus menunaikan mandat yang diamanahkan kepada kami tanpa kompromi terhadap standard profesionalisme dan integriti.



Abdul Rasheed Ghaffour